

11/10/2003

Amalan balas budi bentuk masyarakat progresif

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, amalan membalas budi terhadap kebaikan yang dilakukan orang lain dapat mendorong kepada pembentukan masyarakat progresif serta sedia bekerja untuk kemajuan negara.

Perdana Menteri berkata, apabila seseorang menerima sesuatu, dia tidak harus menganggap sumbangan itu sebagai hak mereka, sebaliknya harus berusaha membalas semula kebaikan itu dengan cara yang termampu.

"Apa salahnya kita membalas budi kerana ia menyemaikan satu budaya memajukan kita iaitu budaya bekerja. Kita sanggup bekerja dan tidak sanggup hanya menerima tetapi sanggup membalas apa yang kita terima.

"Saya yakin jika kita mempunyai budaya seperti ini, kita akan menjadi satu bangsa yang mulia dan dihormati. Kita bukan meminta-minta saja tetapi memberi sesuatu. Kita akan dihormati semua pihak, oleh seluruh dunia dan masyarakat Malaysia menjadi masyarakat bekerja dan menggunakan sepenuh tenaga memajukan diri.

"Apabila masyarakat maju, negara akan maju dan kita dapat hidup sempurna," katanya ketika berucap pada majlis Pelancaran Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu di sini malam tadi.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi majlis pelancaran Tan Sri Halim Ali.

Yayasan itu yang diwujudkan tiga tahun lalu dan cetusan ilham Dr Siti Hasmah, bertujuan menyediakan kemudahan pembelajaran terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada penduduk di kawasan berkenaan.

Yayasan itu menggunakan sumbangan badan korporat dan perseorangan untuk melaksanakan program kemasyarakatan termasuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, kem siber dan Kem Ketahanan Nasional yang bertujuan mengukuhkan semangat patriotik di kalangan generasi muda.

Kerajaan negeri Kedah juga menyumbang tanah seluas 20 hektar bagi melaksanakan Kem Ketahanan Nasional.

Pada majlis itu, 25 syarikat menderma kira-kira RM3 juta untuk yayasan itu.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini harus bekerja bersungguh-sungguh supaya upah yang mereka terima adalah halal.

"Jika semua bekerja seperti itu, kita akan menjadi satu bangsa yang tegap dan tidak bergantung kepada sesiapa. Bangsa semacam ini tetap akan berjaya kerana ia sanggup berusaha, bekerja dan menyumbang tenaga," katanya.